



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 14 TAHUN 2000

**SKIM PERKHIDMATAN
PENSYARAH UiTM DAN PENOLONG PENSYARAH UiTM
BAGI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan kerajaan supaya diwujudkan dua skim perkhidmatan baru iaitu Pensyarah UiTM dan Penolong Pensyarah UiTM bagi menggantikan skim-skim perkhidmatan Pensyarah ITM dan Jurulatih ITM yang digunakan di Universiti Teknologi MARA (UiTM) sekarang.

LATAR BELAKANG

2. Berikutan pengumuman kenaikan taraf Institut Teknologi MARA (ITM) menjadi sebuah universiti pada 26 Ogos 1999, kerajaan telah memutuskan supaya skim-skim perkhidmatan tenaga pengajar di UiTM disesuaikan dengan taraf baru tersebut. Pindaan-pindaan yang dipersetujui ini adalah dibuat setelah mengambil kira status baru UiTM, pengekalannya matlamat dan falsafah penubuhannya serta kombinasi kursus yang dipertanggungjawabkan di peringkat diploma dan ijazah.

SKIM PERKHIDMATAN BARU

3. Dengan tujuan untuk mengukuh dan memantapkan perkhidmatan-perkhidmatan tenaga pengajar UiTM, kerajaan bersetuju meluluskan dua skim perkhidmatan baru di UiTM bagi menggantikan skim perkhidmatan Pensyarah ITM Gred DT3, DT2, DT1, Gred Khas C, B dan skim perkhidmatan Jurulatih ITM Gred DG6, DG5 sedia ada. Skim-skim perkhidmatan baru ini adalah seperti berikut:-

- (a) skim perkhidmatan Pensyarah UiTM Gred DM3, DM2, DM1, Gred Khas C, B, A; dan
- (b) skim perkhidmatan Penolong Pensyarah UiTM Gred DM6, DM5.

Skim-skim perkhidmatan tersebut adalah seperti di **Lampiran-lampiran A dan B**.

4. Antara perbekalan yang terdapat dalam skim-skim perkhidmatan yang baru ini ialah:-

- (a) **Skim Perkhidmatan Pensyarah UiTM**
 - (i) gred gaji baru adalah Gred DM3, DM2, DM1, Gred Khas C, B, A;
 - (ii) kelayakan untuk lantikan ke Gred DM3 ialah di peringkat ijazah sarjana muda kepujian sahaja;
 - (iii) lantikan secara terus ke Gred DM2, DM1, Gred Khas C adalah dengan kelayakan minima peringkat ijazah sarjana;
 - (iv) Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) daripada perkhidmatan Penolong Pensyarah UiTM diperuntukkan bagi anggota yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan Pensyarah UiTM;
 - (v) kenaikan pangkat dari Gred DM3 hingga ke Gred Khas C adalah tanpa kekosongan jawatan tetapi disyaratkan memiliki kelayakan ijazah sarjana/Ph.D dan lain-lain syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan; dan
 - (vi) kenaikan pangkat dari Gred DM2 terus ke Gred Khas C tanpa kekosongan jawatan dalam keadaan istimewa adalah diperuntukkan bagi anggota yang menunjukkan tahap kecemerlangan akademik yang luar biasa mutunya.

(b) **Skim Perkhidmatan Penolong Pensyarah UiTM**

- (i) gred gaji baru adalah Gred DM6, DM5; dan
- (ii) KPSL ke skim perkhidmatan Pensyarah UiTM diperuntukkan bagi anggota yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

5. Struktur gaji baru bagi skim-skim perkhidmatan Pensyarah UiTM dan Penolong Pensyarah UiTM adalah seperti di **Lampiran-lampiran C1, C2, C3, C4, C5, C6, C7 dan C8**.

6. Dengan berkuatkuasanya skim-skim perkhidmatan ini maka segala urusan yang melibatkan pemakaian syarat-syarat skim perkhidmatan hendaklah berasaskan syarat-syarat perkhidmatan yang telah ditetapkan di bawah skim-skim perkhidmatan baru ini.

7. Skim perkhidmatan Pensyarah ITM yang berkuatkuasa 1 Oktober 1992 dan skim perkhidmatan Jurulatih ITM berkuatkuasa 1 Januari 1992 dengan ini hanya **dikekalkan secara khas untuk penyandang (KUP)** bagi menampung penyandang sedia ada yang menolak opsiyen untuk memasuki skim perkhidmatan Pensyarah UiTM dan Penolong Pensyarah UiTM.

PELAKSANAAN

Pemberian Opsyen Melalui Pertukaran Pelantikan

8. Pelaksanaan skim perkhidmatan Pensyarah UiTM dan Penolong Pensyarah UiTM ini dibuat melalui pemberian opsiyen pertukaran pelantikan dan pilihan yang dibuat adalah muktamad. Anggota Pensyarah ITM dan Jurulatih ITM adalah diberi tempoh 30 hari dari tarikh surat tawaran untuk membuat opsiyen sama ada menerima atau menolak tawaran opsiyen ini. Anggota yang tidak membuat sebarang opsiyen atau membuat opsiyen bersyarat atau gagal mengembalikan borang opsiyen dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebarang sebab yang munasabah akan dianggap sebagai telah tidak memilih untuk memasuki skim perkhidmatan Pensyarah UiTM dan Penolong Pensyarah UiTM. Mereka akan kekal di bawah skim perkhidmatan Pensyarah ITM dan Jurulatih ITM secara KUP dengan menikmati semua faedah yang diperuntukkan dalam skim-skim perkhidmatan tersebut. Apabila dinaikkan pangkat, anggota berkenaan adalah tertakluk kepada syarat-syarat perkhidmatan di bawah skim-skim perkhidmatan baru ini mulai tarikh kenaikan pangkatnya.

9. Tawaran opsiyen ini juga hendaklah diberi kepada anggota Pensyarah ITM dan Jurulatih ITM yang berada dalam keadaan berikut:-

- (a) dipinjamkan atau ditukar sementara;
- (b) sedang bercuti atau cuti belajar;
- (c) tidak hadir bertugas semasa opsyen dikeluarkan dan berkuatkuasa;
- (d) sedang dalam proses tindakan tatatertib; dan
- (e) sedang menjalani hukuman tatatertib selain daripada hukuman buang kerja.

10. Tawaran opsyen ini akan terbatal dengan sendirinya jika anggota Pensyarah ITM dan Jurulatih ITM yang sedang dalam proses tindakan tatatertib itu disabitkan kesalahannya dan dijatuhi hukuman buang kerja dalam tempoh opsyen.

11. Tawaran opsyen ini tidak akan diberi kepada Pensyarah ITM dan Jurulatih ITM yang kekal di bawah syarat-syarat perkhidmatan Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976 (JKK 1976). Walau bagaimanapun, apabila dinaikkan pangkat, anggota berkenaan adalah tertakluk kepada syarat-syarat perkhidmatan di bawah skim-skim perkhidmatan baru ini mulai tarikh kenaikan pangkatnya. Anggota yang memenuhi syarat-syarat kelayakan masuk dalam skim-skim perkhidmatan Pensyarah UiTM dan Penolong Pensyarah UiTM, boleh juga memohon memasuki skim-skim perkhidmatan ini secara pelantikan biasa.

12. Tawaran opsyen ini juga tidak akan diberi kepada Pensyarah ITM dan Jurulatih ITM yang bertaraf **sementara** dan **kontrak**.

13. Sekiranya surat tawaran opsyen ini tidak dapat disampaikan atas sebab-sebab tertentu yang munasabah, Pihak Berkuasa Melantik UiTM boleh menawarkan surat tawaran opsyen dengan memberikan tempoh yang sama (30 hari) untuk membolehkan mereka membuat pilihan walaupun tempoh opsyen asal telah tamat.

Kaedah Pelarasan

14. Kaedah pelarasan anggota ke skim perkhidmatan Pensyarah UiTM dan Penolong Pensyarah UiTM adalah ditetapkan seperti berikut:-

- (a) **Pelarasan Anggota Pensyarah ITM Berkelayakan Sarjana Muda Kepingjian Ke Skim Perkhidmatan Pensyarah UiTM**
 - (i) anggota Gred DT3 akan diselaras ke matagaji tertinggi berhampiran atas Gred DM3 mengikut Peringkat gaji masing-masing seperti di **Lampiran D**;

- (ii) anggota Gred DT3 akan diselaras ke matagaji tertinggi berhampiran atas Gred DM3 mengikut Peringkat gaji masing-masing seperti di **Lampiran D**;
 - (iii) anggota Gred DT2 dan Gred DT1 masing-masing akan diberi opsyen untuk memasuki skim perkhidmatan Pensyarah UiTM tetapi mereka kekal di atas gred gaji DT2 dan DT1 secara KUP sehingga memiliki kelayakan ijazah sarjana/Ph.D. Anggota adalah **tidak** terlibat dalam urusan pelarasan gaji ini. Walau bagaimanapun apabila anggota Gred DT2 dan Gred DT1 memperolehi kelayakan sarjana/Ph.D mereka akan diselaras ke matagaji tertinggi berhampiran di Peringkat 1 atas Gred DM1 pada tarikh rasmi keputusan kelayakan diumumkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan. Pelarasan gaji adalah seperti di perenggan 14(b)(ii) dan (iii).
- (b) **Pelarasan Anggota Pensyarah ITM Berkelayakan Sarjana/Ph.D Ke Skim Perkhidmatan Pensyarah UiTM**
- (i) anggota Gred DT3 akan diselaras ke matagaji tertinggi berhampiran atas Gred DM2 Peringkat 1 seperti contoh di **Lampiran F1**;
 - (ii) anggota Gred DT2 akan diselaras ke matagaji tertinggi berhampiran atas Gred DM1 Peringkat 1 seperti contoh di **Lampiran F2**;
 - (iii) anggota Gred DT1 akan diselaras ke matagaji tertinggi berhampiran atas Gred DM1 Peringkat 1 seperti contoh di **Lampiran F3**.
 - (iv) Anggota yang berada di tanggagaji P2T7 : RM4826 dan ke atas akan diselaraskan ke matagaji KUP seperti contoh di **Lampiran-lampiran F4, F5, F6, F7**. Pelarasan gaji KUP di **Lampiran-lampiran F4** hingga **F7** ini hanya terpakai bagi Pensyarah UiTM yang berada di atas tanggagaji P2T7 dan ke atas semasa pelaksanaan skim perkhidmatan Pensyarah UiTM ini sahaja. Pelarasan gaji ini tidak boleh digunakan bagi maksud pemberian pergerakan gaji mengikut prestasi bagi lain-lain anggota; dan
 - (v) penggunaan gelaran Profesor Madya bagi anggota yang diselaras ke Gred DM1 hendaklah mengikut kriteria dan keputusan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa berkenaan.

(c) **Pelarasan Anggota Pensyarah ITM Gred Khas C dan B Ke Skim Perkhidmatan Pensyarah UiTM**

Anggota yang berada di atas Gred Khas C dan B dikekalkan di atas gred berkenaan dan adalah tidak terlibat dengan urusan pelarasan gaji.

(d) **Pelarasan Anggota Jurulatih ITM Ke Skim Perkhidmatan Penolong Pensyarah UiTM**

(i) anggota yang berada di Gred DG6 akan diselaras ke matagaji tertinggi berhampiran atas Gred DM6 mengikut peringkat gaji masing-masing; dan

(ii) anggota yang berada di Gred DG5 akan diselaras ke matagaji tertinggi berhampiran atas Gred DM5 mengikut peringkat gaji masing-masing.

Tarikh Pergerakan Gaji

15. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) asal bagi semua anggota yang terlibat dalam urusan ini adalah berubah kepada satu TPG baru pada tahun berikutnya selepas pelarasan gaji yang berkuatkuasa 1 Oktober 1999. TPG baru ialah 1 Oktober tahun berikutnya. Semua anggota termasuk anggota di matagaji KUP hendaklah diberi pergerakan gaji tahunan mengikut keputusan Panel Penyelarasan Penilaian Prestasi dan Pergerakan Gaji (PPG) mulai tahun 2000. TPG bagi anggota DT2 dan DT1 yang tiada kelayakan sarjana/Ph.D adalah tidak berubah sehingga mereka layak diselaras ke DM1.

16. Pensyarah UiTM dan Penolong Pensyarah UiTM yang TPG asalnya adalah sama dengan tarikh kuatkuasa skim-skim perkhidmatan iaitu 1 Oktober 1999 hendaklah diberi pergerakan gaji tahunan mengikut keputusan PPG terlebih dahulu sebelum diberi pelarasan gaji dalam skim-skim perkhidmatan Pensyarah UiTM dan Penolong Pensyarah UiTM. Contoh pelarasan gaji adalah seperti di **Lampiran G**.

Kaedah Pelaksanaan

17. Bagi melaksanakan skim-skim perkhidmatan Pensyarah UiTM dan Penolong Pensyarah UiTM ini, pihak Lembaga Pengarah UiTM dan anggota yang terlibat hendaklah mematuhi kaedah yang ditetapkan seperti berikut:-

(a) **Lembaga Pengarah**

(i) mengeluarkan surat tawaran opsyen pertukaran pelantikan ke skim-skim perkhidmatan Pensyarah UiTM dan Penolong Pensyarah UiTM;

(b) **Pihak Pengurusan UiTM**

- (i) mengedarkan surat tawaran opsyen pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan Pensyarah UiTM kepada anggota Pensyarah ITM Gred DT3, DT2, DT1, Gred Khas B dan C. Contoh surat tawaran opsyen, borang opsyen dan syarat-syarat pertukaran pelantikan adalah seperti di **Lampiran H**;
- (ii) mengedarkan surat tawaran opsyen pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan Penolong Pensyarah UiTM kepada anggota Jurulatih ITM Gred DG6, DG5. Contoh surat tawaran opsyen, borang opsyen dan syarat-syarat pertukaran pelantikan adalah seperti di **Lampiran I**;
- (iii) memberi penjelasan secara terperinci mengenai opsyen kepada anggota yang terlibat dan implikasi keputusan yang dibuat;
- (iv) melaporkan kepada Bahagian Saraan, Jabatan Perkhidmatan Awam mengenai implikasi kewangan yang terlibat dalam melaksanakan urusan ini dengan menggunakan borang seperti di **Lampiran J**; dan
- (v) menyediakan kriteria-kriteria pemilihan dan menguruskan pemilihan anggota Pensyarah UiTM Gred DM1 yang layak menggunakan gelaran Profesor Madya.

(c) **Anggota**

- (i) membaca dengan teliti serta faham mengenai opsyen sebelum membuat keputusan. Sebarang opsyen yang dibuat adalah muktamad;
- (ii) melengkapkan dua (2) salinan borang opsyen iaitu satu salinan untuk disimpan oleh pihak Pengurusan UiTM dan satu salinan untuk anggota berkenaan; dan
- (iii) membuat pilihan dalam tempoh 30 hari mulai tarikh surat tawaran

TARIKH KUATKUASA

18. Skim-skim perkhidmatan Pensyarah UiTM dan Penolong Pensyarah UiTM ini adalah berkuatkuasa mulai **1 Oktober 1999**.

PEMAKAIAN

19. Pekeliling Perkhidmatan ini terpakai untuk UiTM sahaja.

PELARASAN GAJI 10%

20. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2000, maka gaji Pensyarah UiTM dan Penolong Pensyarah UiTM yang berkuatkuasa 1 Oktober 1999 hendaklah diselaraskan ke gaji baru mengikut peruntukan Pekeliling Perkhidmatan tersebut mulai 1 Januari 2000. Sifir-sifir pemindahan gaji adalah seperti di **Lampiran-lampiran K1, K2, K3, K4, K5, K6, K7, K8, K9, K10, K11 dan K12**.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "



(TAN SRI DATO' SAMSUDIN BIN OSMAN)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
KUALA LUMPUR

9 Ogos 2000

Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia.

Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan Malaysia.